

ABSTRAK

Kajian laras ekonomi ini merupakan suatu kajian yang meneliti leksikal istilah ekonomi berdasarkan laporan ekonomi, akhbar Utusan Malaysia.

Dua bab pertama dalam kajian ini menjelaskan teori-teori laras yang telah dikemukakan oleh ahli-ahli bahasa tempatan dan luar negara.

Bab ke-3 menjelaskan kaedah kajian yang digunakan dalam penghasilan kajian ini iaitu termasuklah cara pengumpulan data, pemprosesan data dan pemilihan istilah ekonomi. Di sini, perisian komputer WordSmith telah digunakan untuk memproses dan mengemas kini data. Kamus Ekonomi oleh Osman Rani Hassan (1987) pula digunakan sebagai rujukan untuk mengesahkan kehadiran istilah ekonomi dalam data yang dikaji.

Analisis terhadap istilah ekonomi diterangkan dalam Bab ke-4. Di sini, empat klasifikasi istilah yang praktikal telah dihasilkan iaitu keperluan ekonomi, tempat, aktiviti ekonomi, dan pelaku.

Analisis morfologi istilah ekonomi pula dikemukakan dalam Bab ke-5. Analisis terhadap proses pembentukan kata, golongan kata dan istilah pinjaman serta istilah bukan pinjaman dijalankan terhadap korpus kajian.

Bab terakhir iaitu bab ke-6 menjelaskan hasil kajian yang diperoleh melalui kajian ini. Hasil dapatan kajian menjelaskan kebanyakan istilah ekonomi terdiri daripada kata tunggal dan diikuti kata terbitan serta kata majmuk. Istilah ekonomi juga terdiri daripada kata nama sahaja. Kebanyakan istilah ekonomi merupakan istilah pinjaman bahasa Inggeris dan istilah-istilah ini terdiri daripada kata tunggal sahaja. Selain itu, cadangan-cadangan untuk kajian lanjutan dan faktor-faktor untuk kajian lanjutan serta komen akhir juga diberikan.

ABSTRACT

This study is an analysis of the economic terminology used, based on the Utusan Malaysia newspaper reports.

The first two chapters are exposition of the theories on terminology that local and foreign language experts have postulated.

In the third chapter is the explanation of the methodology employed, involving the gathering of data, data processing and the selection of economic terms. In this connection WordSmith software has been used to process and update the data. Osman Rani Hassan's Dictionary of Economic Terminology (1987) is used as a reference regarding the terminology used in this study (research).

The fourth chapter explains the analysis of economic terminology. Four practical classifications have been identified as economic needs, place, economic activities and personnel.

Analysis of derivative economic terminology is elaborated in chapter five as the following: process in forming words, word groups, borrowed terms as well as original words on research.

The final chapter six demonstrates the result of research carried out. The research suggests that many economic terms consist of basic words followed by derivatives, including compound words. Some contain only the nouns. A large number of economic terms are borrowed from the English root word. However, these borrowed terms are used without the prefixes or suffixes. Apart from these findings, suggestions for further research on contributory factors as well as comment are indicated.